TAW TOO SANG

lwn.

CHEW CHIN SAI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, TEMERLOH
VT SINGHAM PK
[RAYUAN SIBIL NO: 12-1-2000]
3 OGOS 2000

TORT: *Kecuaian - Kecuaian sertaan - Samada terpakai bagi tuntutan serangan dan serang-sentuh - Akta Undang-Undang Sivil 1956, ss. 12(1), 12(6) - Kegagalan memplidkan kecuaian sertaan dalam pernyataan pembelaan - Samada boleh dibangkitkan sebagai satu pembelaan*

TORT: *Serangan dan serang-sentuh - Tuntutan perayu bagi kecederaan yang di alaminya - Volens - Samada kecederaan berlaku dengan kerelaan perayu sendiri - Pertahanan diri - Samada responden boleh membangkitkan pembelaan tersebut - Kanun Keseksaan, s. 96 - Provokasi - Samada perayu membangkitkan kemarahan responden - Samada perayu dihalang membuat tuntutan kerana perayu melakukan kesalahan jenayah*

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Pengumpukan liabiliti dan kuantum ganti rugi - Pengumpukan 50:50 oleh hakim sesyen di antara kedua-dua pihak berikutan tuntutan serangan dan serang-sentuh - Keterangan bercanggah - Penilaian keterangan yang tidak puas - Samada mahkamah rayuan harus masuk campur*

GANTI RUGI: *Award - Award untuk kehilangan penglihatan mata - Samada mengikuti trend award semasa*

Di mahkamah sesyen plaintif/perayu telah menuntut ganti rugi terhadap defenden-defenden/responden-responden bagi kehilangan penglihatan sebelah mata perayu berikutan satu pergaduhan yang berlaku di antara kedua-dua pihak tersebut di sebuah pasar. Hakim sesyen mengurangkan liabiliti responden-responden sebanyak 50% di atas alasan yang perayu telah menimbulkan kemarahan mereka, dan seterusnya mengawardkan wang sebanyak RM30,000 kepada perayu.

Kedua-dua pihak memfailkan rayuan dan rayuan balas ini menentang keputusan hakim sesyen tersebut.

Perayu menghujahkan bahawa hakim sesyen tidak mengikuti trend award semasa. Ganti rugi bagi kehilangan penglihatan sebelah mata sepatutnya RM70,000. Responden-responden pula menghujahkan bahawa oleh kerana

perbuatan perayu mengejar responden kedua dengan parang adalah satu kesalahan jenayah, perayu dihalang membuat tuntutan tersebut kerana bercanggah dengan polisi awam. Dan juga kecederaan perayu berlaku dengan kerelaannya sendiri, iaitu *volens*. Lagi, responden-responden membangkitkan pembelaan pertahanan diri di bawah s. 96 Kanun Keseksaan.

Selain daripada itu, kedua-dua pihak menghujahkan bahawa kecuaian sertaan tidak terpakai di dalam tuntutan serangan dan serang-sentuh.

Diputuskan:

[1] Prinsip polisi awam tidak boleh dipakai untuk menghalang tuntutan perayu. Perayu berhak untuk membawa satu tindakan tort di bawah s. 12(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Namun begitu, ganti rugi yang diberikan mungkin akan dikurangkan jika perayu menyumbang kepada kecederaannya.

[2] Seksyen 12(1) dibaca dengan s. 12(6) Akta Sivil 1956 jelas menunjukkan bahawa kecuaian sertaan terpakai untuk tuntutan serangan dan serang-sentuh dan mahkamah boleh membahagikan liabiliti kedua-dua pihak. Tetapi liabiliti tidak boleh di bahagikan secara automatik atau diatas alasan yang perayu menimbulkan kemarahan responden kedua, melainkan tindakan responden kedua boleh diterima sebagai pembelaan disisi undang-undang. Tambahan pula, kecuaian sertaan tidak diplidkan di dalam pernyataan pembelaan dan dengan itu tidak boleh dibangkitkan sebagai satu pembelaan.

[3] Mahkamah berpendapat bahawa tindakan perayu mengejar responden kedua dengan parang tidak bermakna perayu merelakan kecederaan yang berlaku keatasnya. Pembelaan *volens* tidak boleh dipakai.

[4] Seksyen 96 Kanun Keseksaan adalah satu pembelaan statutori kesalahan jenayah seperti dibawah s. 304 Kanun Keseksaan. Pembelaan ini tidak boleh dipakai untuk tuntutan sivil bagi serangan dan serang-sentuh di bawah tort.

[5] Mahkamah berpendapat bahawa hakim sesyen tersilap didalam penilaian keterangan disisi undang-undang. Alasan penghakiman hakim sesyen tidak memuaskan dan tidak dibuat dengan penelitian dan pertimbangan yang sewajarnya. Terdapat dua versi yang berlainan dan bercanggah tentang apa sebenarnya berlaku. Lagi, perayu tidak membuktikan benda yang apa menyebabkan kecederaan kepada matanya. Keterangan juga menunjukkan bahawa ada lebih daripada satu kejadian. Dengan demikian, mahkamah rayuan harus masuk campur.

[5a] Oleh kerana mahkamah ini tidak berpeluang untuk melihat dan menyaksikan saksi-saksi sepertimana di mahkamah sesyen, mahkamah ini memerintahkan perbicaraan semula di mahkamah sesyen.

[6] Hakim sesyen tidak mengikuti trend award semasa. Award bagi kehilangan penglihatan sebelah mata ialah RM50,000. Dengan itu, mahkamah ini mengenepikan award hakim sesyen sebanyak RM30,000 dan menggantikannya dengan award sebanyak RM50,000.

[Rayuan perayu tentang liabiliti dan ganti rugi dan rayuan balas responden-responden tentang liabiliti dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

British Transport Commission v. Gourley [1955] 3 All ER 796 ***(dirujuk)***
Caswell v. Powell Daffryn Associated Colloeries Ltd [1940] AC 168 ***(diikuti)***
Chong Keow v. Shaari Yaacob [1988] 1 CLJ 325 ***(dirujuk)***
Chua Kim Suan (Administratrix of the estate of Teoh Tak Lee, decd) & Anor v. Government of Malaysia & Anor [1994] 1 MLJ 394 ***(dibezakan)***
Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v. Chek Hung & Another Appeal [1997] 3 CLJ 189 ***(dibezakan)***
Davies v. Powell Duffryn Associated Colleries Ltd [1942] AC 601 ***(diikuti)***
Fazaruddin Ibrahim v. Parkson Corp Sdn Bhd [1997] 2 CLJ 863 ***(dirujuk)***
Fookes v. Slayton [1979] 1 All ER 137 ***(diikuti)***
Gimstern Corporation (M) Sdn Bhd & Anor v. Global Insurance Co Sdn Bhd [1987] 1 MLJ 302 ***(dirujuk)***
IB Drennan v. R.F Greer [1957] 23 MLJ 79 ***(diikuti)***
In re AB Ltd [1956] 22 MLJ 197 ***(diikuti)***
Janagi v. Ong Boon Kiat [1971] 2 MLJ 196 ***(diikuti)***
Kam Kok Beng v. Chan Siew Kuan [1979] 1 MLJ xxxvii ***(dirujuk)***
Lee Ah Chor v. Southern Bank Bhd [1991] 1 CLJ 667 ***(diikuti)***
Lee Tet Fatt v. Choo Yoon Sin [1980] 37 Dass on Quantum ***(dirujuk)***
Low You Choy & Yg Ln v. Chan Mun Kit & Yg Ln [1992] 3 CLJ 1550 ***(dirujuk)***
Mariam Mansor v. JD Peter [1975] 1 MLJ 279 ***(diikuti)***
Miskinah Jaya & Ors v. Mohamed Salleh & Anor [1984] 1 MLJ 187 ***(diikuti)***
Murphy v. Culhane [1973] 3 All ER 533 ***(diikuti)***
Murugan v. Lew Chu Cheong [1980] 2 MLJ 139 ***(diikuti)***
Nance v. British Columbia Eletric Ry [1951] AC 601 ***(diikuti)***
Ngooi Ku Siong & Anor v. Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30 ***(diikuti)***
Ooi Han Sun & Anor v. Bee Hua Meng [1991] 3 MLJ 219 ***(diikuti)***
Othman Kastari v. Teo Eng Soon t/a Chop Guan Choon Contractor [1988] 2 MLJ xxv ***(dirujuk)***
Rasidin Partojo v. Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214 ***(dirujuk)***
Rosita Baharom & Anor v. Sabedin Salleh [1992] 1 CLJ 180 ***(diikuti)***
Samar Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 2 MLJ 71 ***(dirujuk)***
Scott v. Brown Doering Mcnab & Co [1892] 2 QB 724 ***(dirujuk)***
Tay Lye Seng & Anor v. Nazori Teh & Anor [1998] 3 MLJ 873 ***(dibezakan)***
Tay Tong Chew & Anor v. Abdul Rahman Hj Ahmad [1985] 1 MLJ 50 ***(diikuti)***
YA Daud v. PP [1997] 4 MLJ 322 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 12(1), (6)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, ss. 96, 304

Bagi pihak perayu - Dato' Bastian P Vendargon; T/n Vendargon & Partners
Bagi pihak responden - Rosni Zahari; T/n Rosni Francis Tan & Ho

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

VT Singham PK:

Rayuan

Rayuan ini adalah oleh perayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen Temerloh, tentang liabiliti dan gantirugi dimana tuntutan perayu telah dikurangkan kepada 50% untuk gantirugi diatas serangan yang dituntut oleh perayu terhadap responden-responden dan rayuan ini juga terhadap award yang diberi oleh mahkamah sesyen. Jadi, rayuan oleh perayu adalah terhadap tanggungan liabiliti dan gantirugi (damages).

Rayuan Balas

Juga, terdapat satu rayuan balas oleh responden-responden terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen tersebut yang memutuskan bahawa responden-responden telah mencederakan perayu dan bertanggungjawab 50% bagi gantirugi yang diawardkan oleh mahkamah tersebut.

Perayu dan responden-responden dirujuk sebagai plaintif dan defendan-defendan didalam penghakiman ini.

Oleh sebab keterangan-keterangan didalam kes ini adalah bukan berapa tepat, puas dan menunjukkan kekeliruan, adalah wajar, sekiranya mahkamah ini terletak latar belakang kes ini, melalui keterangan-keterangan plaintif dan defendan-defendan, faktor-faktor dan kandungan pliding sebelum menjelaskan kedudukkan dan keputusan rayuan ini.

Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan diantara perenggan-perenggan yang lain, adalah seperti berikut: di pernyataan tuntutan.

PENYATAAN TUNTUTAN

Perenggan 4

Pada 31.10.1995 lebih kurang pukul 12.00 tengahari, semasa plaintif **berada di pasar Temerloh**, defendan pertama dan defendan kedua bertindak **bersama ataupun secara berasingan** telah menyerang plaintif (committed **assault dan battery**) yang

mengakibatkan kelukaan **dimuka depan dan kecederaan** kepada plaintif termasuk kehilangan penglihatan salah satu mata plaintif.

Perenggan 5.

Atas sebab-sebab tersebut plaintif telah mengalami kecederaan dan menanggung kehilangan dan kerugian. Plaintif menuntut gantirugi am, gantirugi khas, faedah dan kos tindakan itu.

Sebaliknya, defendan-defendan memfailkan pernyataan pembelaan dan diantara perkara-perkara yang lain, memplidkan seperti berikut:

Pernyataan Pembelaan Defendan-defendan

Secara ringkasnya, defendan-defendan telah memplidkan bahawa defendan-defendan menafikan bahawa mereka manyerang plaintif sebagaimana yang ditohmahkan, dan sebaliknya, menyatakan plaintif yang cuba menyerang defendan kedua SD1 dengan sebilah parang. Secara alternatifnya, kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah diakibatkan dengan sukarelaan beliau iaitu melalui *volens* dan telah mangambil bahagian **secara rela** dan dengan pengetahuan bahawa perbuatan itu adalah satu jenayah dan oleh itu, tuntutan plaintif untuk mendapatkan gantirugi adalah **bertentangan dengan polisi awam** dan defendan-defendan tidak bertanggungjawab kepada kecederaan tersebut.

Mahkamah ini mendapati bahawa dalam pada itu, untuk mendapatkan satu gambaran yang lebih jelas berkenaan keseluruhan kes, adalah juga penting untuk menyatakan disini kandungan repot-repot polis kedua-dua pihak dan dirujuk kepada kandungan yang relevan.

Lapuran Polis Plaintif (SP1)

Melalui lapuran polis yang dibuat pada 31 Oktober 1995 jam 1.20 petang, plaintif telah lapurkan bahawa seperti berikut:

jam lebih kurang 12.00 tengahari pada 31.10.95 semasa saya di **pasar Temerloh**, kedua-dua defendan iaitu adik-beradik datang dan **menumbuk** saya di **muka didepan dan belakang**. Selepas itu, beberapa orang datang dan meleraikan saya dan s**aya mengalami kesakitan di seluruh badan dan cermin mata saya telah pecah akibat daripada tumbukan mereka.**

Lapuran Polis Defendan Ke Dua (SD1)

Manakala defendan kedua telah melapurkan pada 31 Oktober 1995 jam 1.10 petang dan *inter alia* menyatakan seperti berikut:

Pada 31.10.95 jam lebih kurang 12.30 tengahari, semasa saya menjalankan perniagaan di pasar Temerloh, saya telah diberitahu oleh seorang rakan bahawa plaintif telah mengkhianati saya dan masa itu saya telah hilang pertimbangan dan terus pergi ke tempat plaintif dan terus menolaknya. Selepas itu berlaku sedikit

pertengkaran. Dalam pertengkaran tersebut tidak ada apa-apa kecederaan berlaku. Saya merasa takut sekiranya ada apa-apa yang akan terjadi kepada ahli keluarganya lalu memutuskan untuk membuat lapuran polis.

Lapuran Polis Kedua-dua Pihak

Adalah penting untuk menyatakan disini, bahawa kedua-dua lapuran polis tersebut tidak menyatakan tentang kecederaan yang dialami oleh plaintif **di mata kiri plaintif atau puncanya** seperti dituntut. Seharusnya, plaintif mesti mahu menyatakan dalam lapuran polis tentang kecederaan di mata kiri beliau. Plaintif hanya berkata dalam lapuran polis beliau bahawa cermin mata beliau pecah kena tumbok oleh kedua-dua defendan.

Keterangan Plaintif SP1 Di Peringkat Pemeriksaan Utama

Diantara keterangan-keterangan yang lain, adalah seperti berikut:

Saya menjalankan perniagaan **pasar Temerloh** pada 31.10.1995 12.00 tengahari. Saya berada di pasar Temerloh. Adik-beradik defendan datang memukul saya. **Mereka berdua menggunakan tangan dan kaki**. Saya dipukul di bahagian kepala dan tubuh badan saya dan juga mata saya. Akibat itu, cermin mata saya pecah. Saya mendapat kecederaan. Mata dan kepala saya cedera. Seluruh badan saya sakit. Saya pergi ke Hospital Mentakab untuk rawatan. Saya membuat pemeriksaan dibahagian mata saya, mata kiri. Pada masa itu, saya rasa sakit dimata saya. Saya boleh nampak dengan mata kiri. Saya melantik peguam. Sehingga hari ini saya tidak boleh guna mata kiri untuk melihat.

Pemeriksaan Balas SP1

Diantara keterangan-keterangan yang lain, adalah seperti berikut:

Sebelum kejadian tersebut, saya tidak ada selisih faham dengan defendan-defendan. Sebelum kejadian tersebut, defendan kedua ada kacau di stall saya. Itu berlaku sebelum defendan kedua datang ke stall saya dan buangkan taufu saya. Itu berlaku sebelum incident memukul. Sebelum incident memukul, hanya sekali ada kekacauan di stall saya. Kekacauan membuang taufu berlaku 20 minit sebelum kejadian memukul. Defendan kedua tuangkan taufu **di stall** saya oleh kerana dia dengar kata-kata isteri beliau kononnya saya rampas kliennya. Selepas beliau tuangkan taufu di stall saya, saya rasa marah. Pada mulanya saya sabar tentang perbuatan defendan kedua. **Saya ambil satu pisau dan mengejar defendan kedua. Itu berlaku sebelum kejadian saya dipukul**. Sebenarnya ada perselisihan faham sebelum kejadian memukul.

Saya kejar defendan kedua. Defendan kedua melarikan diri dari saya. Saya bersetuju defendan kedua sempat mendapat sebatang penyapu pada masa itu. Saya bersetuju bahawa defendan kedua menggunakan handle penyapu untuk menghalang pisau saya. Kepala saya sudah kena batang handle penyapu. Saya tidak bersetuju bahawa cermin mata saya pecah masa itu. Saya tidak bersetuju

bahawa saya telah mengancam isteri dan anak defendan kedua yang menjaga gerai di pasar. Saya pembuat taufu. Saya tidak bersetuju saya tidak suka defendan kedua oleh kerana dia memesan taufu daripada orang lain. Kedua-dua defendan datang pukul saya. **Defendan kedua mencederakan mata saya. Cermin mata saya pecah akibat dipukul dan saya juga terjatuh. Mereka guna tangan dan kaki.**

Akibat itu, saya terjatuh dilantai. Saya bersetuju kecederaan kepada mata saya berlaku semasa penyapu kena muka saya semasa defendan kedua menghalang pisau saya. Mata saya tidak cedera sebelum kejadian pada hari itu. Saya pakai cermin mata masa saya membaca. Pada hari tersebut, ramai orang nampak kejadian tersebut. Defendan kedua pukul saya. Saya tidak bersetuju defendan pertama meleraikan pergaduhan antara defendan kedua dan saya.

Pemeriksaan Semula Plaintiff (SP1)

Diantara keterangan-keterangan yang lain, adalah seperti berikut:

Kejadian berkenaan tuangkan taufu berlaku 20 minit sebelum kejadian memukul. Cuma defendan kedua terlibat semasa penuangan taufu. **Dalam kejadian kedua, kedua-dua defendan memukul saya.** Kecederaan kepada mata berlaku **semasa kejadian pemukulan**.

Saksi plaintif yang seterusnya ialah SP2. Keterangan beliau adalah seperti berikut:

Keterangan Saksi Plaintif (SP2) Di Peringkat Pemeriksaan Utama

Diantara keterangan-keterangan yang lain, adalah seperti berikut:

Pada 31.10.95, 12.00 tengahari saya berada dalam kawasan pasar tengah minum air di gerai depan di pasar besar Temerloh. Saya dengar rampasan. Ada ramai orang bising. Saya pun masuk dalam pasar pintu masuk dan nampak itu Ah San (plaintif) yang menjual taufu. Saya tengok orang semua dekat dia. Saya dengar dia gaduh. Saya bawa ke balai buat repot. Saya tengok belah badannya ada lebam sedikit dan luka sedikit. Saya tidak melibat apa berlaku. Sesudah baru sahaja saya masuk ke dalam. **Saya pergi dekat dia dan pegang dia dan tanya apa pasal. Dia cakap itu sedikit**. Saya nampak mata dia berair. Kami bawa dia ke Balai. Saya tak perasan defendan kedua. Orang ramai.

Adalah penting untuk mengambil perhatian disini bahawa kenapa plaintif tidak memberitahu kepada SP2 bahawa, beliau telah diserang atau dipukul atau ditumbok oleh defendan kedua apabila SP2 tanya plaintif **"apa-pasal"** tidak dijelaskan. Sebaliknya, adalah hairan bahawa bagaimana plaintif boleh jawab **"itu sedikit"**. Sekiranya, dan sebenar-benar defendan kedua atau kedua-dua defendan ada menyebabkan kecederaan pada mata kiri beliau kenapa plaintif tidak memberitahu kepada SP2 dan perkara ini tidak dijawab langsung oleh plaintif.

Pemeriksaan Balas

Tidak ada sebarang soalan kepada SP2.

Keterangan Saksi Plaintif SP3 Pakar Perubatan (Opthalmologist) Di Peringkat Pemeriksaan Awal

Adalah seperti berikut:

> In October 1995, I was consultant Opthalmologist at Hospital Tengku Afsan Kuantan. She confirmed the medical report dated 17.7.1996 on the plaintiff given by her which was marked as exhibit "P4".

Lapuran Perubatan Plaintif

Mahkamah ini mendapati bahawa lapuran perubatan tersebut hanya menyatakan bahawa plaintif yang dikatakan telah diserang di sebelah mata kirinya pada 31 Oktober 1995 di Temerloh dan beliau telah mengadu bahawa mata kiri beliau tidak dapat melihat semenjak serangan tersebut dan mengesahkan bahawa penglihatan mata kiri plaintif tidak ada persepsi kepada cahaya. Sebenarnya tidak ada sebarang soalan yang dikemukakan kapada SP3 tentang kecederaan tersebut iaitu berapa lama kecederaan tersebut, samada terdapat pendarahan dan apakah punca yang menyebabkan kecederaan pada mata kiri yang patut dan perlu ditanya untuk bukti kes plaintif diatas fakta-fakta dimana terdapat lebih daripada dua kejadian yang telah dikemukakan didalam kes ini.

Pemeriksaan Balas SP3

Adalah seperti berikut:

> From the history alleged assult some from of **blunt injury** caused injury to the '2nd' layer of the eye, *ie*, choroid and subsequently the nerve. Usually it is **caused by a blunt injury**.

Apakah Punca Menyebabkan Kecederaan Plaintif

Mahkamah ini mendapati tidak ada sebarang pemeriksaan semula bagi PW3. Berdasarkan keterangan daripada SP3, satu kesimpulan yang boleh didapati adalah bahawa plaintif telah buta di sebelah mata kiri **tetapi** tidak ada sebarang keterangan langsung tentang serangan, apakah yang mengakibatkan mata kiri plaintif, samada oleh tumbukan atau pukulan atau oleh sebatang penyapu, atau oleh sebilah pisau ataupun oleh sebarang **objek** yang tumpul. Keterangan ini sememangnya harus dikemukakan oleh SP3. Malangnya, SP3 hanya berkata kecederaan itu biasanya **disebabkan oleh "blunt injury"**. SP3 tidak menyatakan bahawa kecederaan disebabkan oleh **"blunt object"** dan tidak sebarang penjelasan atau keterangan apakah makna **"blunt injury"** dan apakah yang menyebabkan **"blunt injury"** tersebut.

Keterangan Saksi Plaintif SP4 Di Peringkat Pemeriksaan Utama *a*

Adalah seperti berikut:

> Bulan Oktober 1995, saya berada di pasar Ternerloh. Saya nampak kejadian yang melibatkan SP1 dan defendan-defendan. Saya berada disebelah, suasana bising. Tiba-tiba defendan-defendan masuk tempat SP1. Dia bertengkar, ada pergaduhan, *b*
> ada kejar mengejar. Habis settle. Dia hendak balik. SP1 diserang, sekali dengan defendan-defendan. Nampak matanya cedera. Mata SP1. Saya berada di pasar disebelah petaknya.

Pemeriksaan Balas SP4

c

Adalah seperti berikut:

> Mula-mula satu orang pergi ke tempat SP1. Mula-mula **saya nampak defendan kedua** pergi ke tempat SP1. Saya dengar mereka berkelahi. **SP1 kejar defendan kedua dalam pasar**. SP1 balik ke tempat dan tutup berniaga. **Saya tak nampak apa berlaku di luar**. SP1 masuk balik. Saya ingat berapa lama. **SP1 dan defendan** *d*
> **kedua kejar mengejar, mungkin dalam 10 minit**. Kejadian berlaku pada waktu pagi sehingga tengahari 10.30am - 11.30am. Saya tak pasti waktu. **Kita suruh SP1 balik**.
>
> SP1 hendak hantar barang dalam van. Dia angkat barang di luar. Pada masa itu, dia kena serang. Saya tolong ambil barang dia. **Mereka bergaduh bila saya** *e*
> **keluar**. Defendan pertama dan kedua serang SP1. Saya hendak keluar. Saya nampak di tepi pintu. Mereka berdua datang. Macam kena pukul. **Dia elak dengan tangan**. SP1 pegang 2 tin taufu di tangan.
>
> **Pada mula-mula SP1 pegang penyapu**. Saya nampak dia pegang sesuatu bila peringkat pertama. **SP1 kejar defendan kedua**. **Saya tidak perasan apa dia pegang** *f*
> **di van**, SP1 bawa barang. Saya perasan defendan-defendan pegang apa. Saya tidak tahu mengapa mereka kelahi. Sebelum kejadian, saya kenal SP1 dan defendan-defendan sejak saya kerja di pasar 2 tahun.

Pemeriksaan Semula SP4

g

Adalah seperti berikut:

> **Kejadian pertama** defendan kedua datang ke gerai SP1. **Pada masa itu SP1 tidak cedera. SP1 keluar 10 minit dan balik ke gerai. Bila SP1 balik ke gerai, dia tidak cedera**. Tak nampak cedera. **Kejadian dekat van**, defendan-defendan dan SP1. Selepas kejadian itu, SP1 cedera. Saya nampak dia cedera di mata. SP1 *h*
> membawa tin taufu untuk masuk ke dalam van.

Mahkamah ini mendapati bahawa apabila mengikut keterangan SP4, ada dua atau tiga perkara yang penting yang harus diambil perhatian. Pertama, sekiranya mengikut keterangan SP1, nampaknya, perkelahian berlaku di **luar pasar** dekat van dan **bukan dalam pasar**, kedua, ada lebih daripada satu kejadian berlaku *i*

kepada plaintif, ketiga, walaupun plaintif keluar daripada pasar selama 10 minit dan balik ke gerai, plaintif tidak mengalami kecederaan sebab SP4 tidak nampak kecederaan atas plaintif. Samada SP2 atau SP4 membantu kes plaintif atau tidak atau telah merosakkan kes plaintif adalah satu persoalan yang harus diberi perhatian didalam kes ini. Kes plaintif telah ditutup selepas empat saksi termasuk plaintif telah memberi keterangan. Lepas itu kes defendan-defendan bermula.

Keterangan Defendan Kedua SD1 Di Peringkat Pemeriksaan Utama

Saya kenal SP1 selama 7 tahun sebelum 31 Oktober 1995. Saya mula kelahi dengan dia selepas kejadian itu. Kami kelahi. Dia bertengkar dengan perempuan saya. Saya pun datang, dia ambil parang. Bertengkar di pasar. Di tempat berniaga saya. Dia ambil parang. Saya tolak dia ke tempat dia. Dia bergaduh dengan saya. Saya tak tahu mengapa dia bertengkar dengan isteri. Selepas dia bertengkar, saya sampai. Saya nampak dia bawa parang. Saya tolak dia balik tempat dia. Saya ambil taufu dia.

Saya ikut dia ke tempat dia. Saya khabar dengan dia kenapa kamu buat tak baik. Dia jawab awak macam mana. Saya tumpahkan taufu dia. Dia ambil parang kejar saya. Saya lari. Dia kejar sampai kedepan. Saya nampak kayu. Dia kejar saya ke tempat ikan. Dia tolak. Saya ambil kayu. Saya ambil penyapu di tempat ikan. Saya tangkis dengan penyapu dan kena parang dia. Saya lari. Saya tangkis dengan penyapu. Saya lari keluar pasar. Tak ada. Saya repot polis (eksibit D9). Saya nampak SP1 keluar pasar, saya lari. Saya tengok dia kelam kabut. Saya ingat dia hendak pukul saya. Saya lari ke luar. Dia masuk ke dalam van dan balik. Tak ada pergaduhan berlaku di van. Saya cakap benar. Berlaku mula-mula dalam pasar. Di van itu, tiada apa-apa berlaku. Saya tak tau samada ada orang cedera bila dia mengejar saya. Saya tidak memukul SP1. Saya menolak dia. Saya tolak dia bila dia bertengkar dengan isteri saya. Saya tidak tumbuk mata dia. Saya tidak nampak darah keluar daripada badan SP1. Tidak ada darah keluar dari badan saya. Tidak ada orang datang ke tempat ikan bila kami kelahi. Sebelum SP1 kelahi dengan saya SP1 telah mengalami cedera. Dia cedera mata kiri. Sebelum kami kelahi, mata kirinya cedera.

Pemeriksaan Balas SD1

Adalah seperti berikut:

Benar dia ambil parang. Memang D9 jauh berbeza dengan keterangan saya hari ini. Saya repot SP1 ada bawa parang. Tidak dinyatakan di D9 dia bawa parang. Soalan - D9. “Hilang pertimbangan” “menolak dia”. Saya nampak dia ambil parang. Dia bergaduh dengan isteri dengan parang. Saya tolak dia. Defendan pertama berniaga penjaja di luar pasar di rumah-rumah. Saya dan defendan tidak bergaduh dengan SP1. Defendan pertama tidak berada di sana. Tak benar saya dan defendan pertama pukul SP1 di luar pasar dan matanya cedera.

Keterangan SD1 Diperingkat Pemeriksaan Semula

Adalah seperti berikut:

D9 - Lapuran ringkas. Saya tak masuk parang dan kejar mengejar dalam D9. Saya cakap benar.

Keterangan Saksi Defendan-defendan (SD2) (Isteri Defendan Kedua) Di Peringkat Pemeriksaan Utama

Saya kenal SP1. 31.10.95 ada pergaduhan di antara saya dengan SP1. Pelanggan hendak beli sayur, dia beritahu pelanggan sayur saya tak elok. Dia juga beli sayur saya. Dia cakap begitu di gerai saya. SP1 datang ke gerai saya dan beritahu pelanggan bila SP1 datang kegerai saya. Saya nampak apa dia bawa. Saya tak boleh agak di ada digerai saya. Tak buat apa-apa dengan parang. Dia tunjuk parang kepada saya untuk mengugut. He wanted to attack me with parang. Suami saya ada di pasar dengan saya. Saya lari keluar dengan 2 anak saya. Suami saya hendak masuk pasar bila saya hendak keluar pasar. Saya tidak tahu apa berlaku antara suami saya dan SP1. Saya sudah lari dari pasar.

Pemeriksaan Balas SD2

Adalah seperti berikut:

Bila kejadian ini berlaku anak-anak saya ada di pasar dengan saya. 2 anak berada disitu. Suami saya tidak berada disana bila berlaku. Lepas saya keluar pasar, saya tidak nampak saya punya suami. Bila saya keluar gerai, saya ternampak suami saya masuk. Saya beritahu suami. SP1 hendak serang saya dengan parang. Saya tidak perhati dia samada dia bawa parang atau tidak. Saya tak tahu dimana dia sorok parang itu. Bila kita mula bergaduh dia tiba-tiba keluar sebilah parang. Dia ada keluarkan parang. Saya tidak buat lapuran polis.

Keterangan Defendan Pertama SD3 Di Peringkat Pemeriksaan Utama

Saya penjaja sayur. Saya jual di taman-taman. Pada 31.10.95, saya tidak ada gerai di pasar. Saya tidak berniaga di pasar. Pada 31.10.95, saya tidak ada di pasar. SD1 adalah adik saya. Saya kenal defendan-defendan iaitu SD1, beliau berniaga di pasar. Pada masa dia gaduh, saya tidak ada di pasar. Saya dapat berita. Saya tidak nampak siapa pukul siapa. Adik saya dikejar oleh orang dengan parang. Saya datang ke pasar.

Pemeriksaan Balas SD3

Saya memang terlibat. Saya dengar adik kena pukul. Saya datang ke pasar. Kenapa pukul adik saya. Pada masa saya datang saya ada pukul dia. Tangan saya kena. Saya pukul SP1. Pada masa itu, dia sedang simpan tin. Ini di luar pasar. SD1 tidak ada disitu. Dia mencari saya. Saya dan adik saya pukul SP1 dekat van. Pada masa itu saya seorang dan adik saya tak ada. Saya pukul dia.

Pemeriksaan Semula SD3

> Saya cari SP1 bila dengar SD1 dipukul. Saya pukul SP1 dengan tangan di luar pasar. Tangan saya kena, ada luka-luka zink. Tak tahu bahagian mana, saya pukul dia. Saya pukul dia sekali sahaja. Orang cabut tangan saya.

Keterangan defendan pertama SD3 tidak disoal balas atau dicadangkan bahawa beliau seorangan atau bersama-sama defendan kedua telah menyebabkan kecederaan dimata kiri plaintif dan defendan pertama SD3 atau kedua-dua mereka bertanggungjawab kepada kecederaan di mata kiri plaintif.

Dengan keterangan ketiga-tiga orang saksi bagi defendan-defendan, termasuk defendan pertama dan kedua, defendan-defendan telah menutup kes mereka dan kedua-dua peguam telah membuat penghujahan secara bertulis dan telah dimasukkan didalam rekod rayuan.

Penghujahan Peguam Defendan-Defendan Di Mahkamah Sesyen

Dengan ringkasnya adalah seperti berikut:

(a) Dengan ringkasnya keterangan plaintif adalah berlainan daripda pliding plaintif melalui pernyataan tuntutan. Oleh itu, mahkamah tidak boleh menimbang kejadian lain (sekiranya ada) yang berlaku kecuali kejadian berlaku pada pukul 12 tengahari seperti di pernyataan tuntutan sebab plaintif berikat dengan pliding.

(b) Keterangan plaintif menunjuk banyak percanggahan apabila meneliti keterangan di pemeriksaan awal dan pemeriksaan balas dan apa yang plaintif beritahu mahkamah atau cuba memberi impression kepada mahkamah adalah bahawa beliau tiba-tiba diserang oleh defendan pada hari tersebut dan plaintif hanya memberitahu kepada mahkamah segala kejadian yang berlaku selepas beliau ditekan didalam pemeriksaan balas.

(c) Oleh sebab plaintif yang bertanggungjawab kepada kejadian pertengkaran dan pergaduhan diantara plaintif dan defendan, tindakan beliau adalah satu perbuatan jenayah di bawah sisi undang-undang Kanun Kesiksaan. Oleh itu, polisi awam tidak membenarkan plaintif untuk membuat tuntutan gantirugi terhadap defendan-defendan.

(d) Plaintif sendiri yang menanggung kesalahan (culpability) tersebut untuk parbuatan jenayah tersebut kerana plaintif yang mula-mula mengejar defendan kedua dengan sebilah pisau. Seterusnya peguam defendan berhujah dan merujuk dua kes Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan untuk berhujah bahawa plaintif tidak berhak untuk menuntut gantirugi didalam perkara yang melanggar sisi undang-undang dan diatas

terhadap polisi awam. Kes pertama adalah *Tay Lye Seng & Anor v. Nazori Teh & Anor* [1998] 3 MLJ 873 at 878. Kes kedua adalah *Chua Kim Suan (Administratrix of the estate of Teoh Tek Lee, decd) & Anor v. Government Of Malaysia & Anor* [1994] 1 MLJ 394.

Polisi Awam

Mahkamah ini mendapati bahawa prinsip didalam kes *Chua Kim Suan* (Mahkamah Agong) yang diikuti di dalam kes *Tay Lye Seng* oleh Mahkamah Rayuan tidak boleh dipakai untuk menghalang plaintif daripada memfailkan tuntutan untuk gantirugi terhadap defendan-defendan bagi **assault** dan **battery** sebab plaintif dilindungi oleh s. 12(1) "Civil Law Act 1956" untuk menuntut gantirugi bagi **assault** dan **battery** seperti dituntut oleh plaintif dalam kes ini. **Seksyen 12(1)** bagi akta yang sama tidak menghalang seorang plaintif untuk membawa satu tindakan di dalam **tort** walaupun beliau telah sumbang bagi kecederaan yang beliau alami melainkan kemungkinan gantirugi beliau akan dikurangkan. Prinsip di kes *Chua Kim Suan* yang diikuti oleh Mahkamah Rayuan di kes *Tay Lye Seng* tidak boleh dipakai sebagai pembelaan oleh defendan-defendan sebab keadaan dan fakta-fakta di kedua-dua kes itu adalah berlainan apabila dibanding dengan kes plaintif di rayuan ini. Juga, Mahkamah Agong di kes *Chua Kim Suan* berkata bahawa "legal maxim" itu mempunyai kegunaan yang terhad (limited application) untuk **tort**. Mahkamah Agong sebenarnya telah mengikut prinsip yang dikatakan oleh Hakim Besar Singapura di kes *Ooi Han Sun & Anor v. Bee Hua Meng* [1991] 3 MLJ 219 at 223, dimana Hakim Besar Singapura berkata:

> As a rule of public policy, the maxim *ex turpi causa non oritur actio* (no cause of action arises out of a base cause) will apply in the law of contract to prevent a plaintiff founding a claim on an illegal act or agreement. It is clear, however, that the maxim has only very limited application in tort and, in general, the fact that the plaintiff is involved in some wrongdoing does not of itself provide the defendant with a good defence

"Civil Law Act 1956"

Sebenarnya, mahkamah mendapati bahawa plaintif dilindungi dibawah s. 12(1) "Civil Law Act 1956" yang berkata seperti berikut:

> Where any person suffers damage as the result partly of his own **fault** and partly of the **fault** of any other person or persons, a claim in respect of that damage shall not be defeated by reason of the **fault** of the person suffering the damage, but the damages recoverable in respect thereof shall be reduced to such extent as the court thinks just and equitable having regard to the claimant's share in the responsibility for the damage.

(e) Secara alternatif, peguam defendan berhujah kecederaan plaintif adalah berpunca daripada perbuatan dirinya sendiri iaitu dengan mengejar defendan dengan sebilah pisau. Peguam plaintif berhujah tentang *volens*, iaitu di rela oleh plaintif sendiri.

Volens

Walau pun plaintif boleh di katakan bahawa beliau sedar akibat tindakan apabila beliau kejar defendan kedua dengan parang, faktor itu sahaja tidak boleh memberi pembelaan kepada defendan kedua bahawa plaintif relakan kecederaan diatas tindakan balas oleh defendan kedua. Di kes *IB Drennan v. RF Greer*, [1957] 23 MLJ 79 Mahkamah Rayuan berkata:

> This is a question of fact; knowledge does not *ipso facto* as a matter of law import consent. It is evidence of conduct, weak or strong, according to circumstances. The relationship between the plaintiff and the defendant is a matter of considerable importance. Thus in the case of the employer-employee relationship the question is not whether the employee knew of the danger but whether in fact he agreed to run the risk in the sense that he exempted his employer from his duty not to create the danger and agreed to take the chance of an accident.

Mahkamah ini berpendapat bahawa pembelaan yang boleh memberi faedah atau ada kaitan pada kes defendan-defendan adalah kecuaian sertaan seperti di bawah s. 12(6) "Civil Law Act 1956". Kes *Murphy v. Culhane* [1973] 3 All ER 533 yang dirujuk oleh peguam defendan-defendan ada kaitan. Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa pembelaan *volens* tidak boleh dipakai untuk fakta-fakta kes ini.

(f) Sebaliknya, pembelaan defendan-defendan berkata bahawa, kecederaan plaintif dilakukan oleh defendan hanya disebabkan diatas tindakan yang diambil oleh defendan kedua semasa beliau mempertahankan diri daripada di gertak dengan sebilah pisau oleh plaintif, peguam defendan berikat dengan pembelaan (self defence) dan berharap dengan kes *YA Daud v. PP* [1997] 4 MLJ 322.

Samada s. 96 Kanun Keseksaan Boleh Dipakai Untuk Tuntutan Sivil Bagi "Assault" Dan "Battery"

Mahkamah ini mendapati bahawa s. 96 Kanun Keseksaan adalah satu pembelaan statutori yang penuh untuk kesalahan jenayah seperti dituduh dibawah s. 304 (1st. limb.) Kanun Keseksaan. Oleh itu pembelaan yang dibangkit dan diterima di kes *YA Daud* tidak boleh dipakai untuk tuntutan sibil seperti bagi **"assault"** dan **"battery" dibawah tort**.

(g) Kecederaan yang dialami oleh plaintif tidak ada berkaitan dengan sebarang kaitan dengan defendan pertama dimana beliau tidak ada peranan didalam pertengkaran di antara plaintif dan defendan kedua seperti diakui oleh plaintif. Seterusnya keterangan menunjuk bahawa ada pertengkaran yang berlainan yang tidak ada kaitan dengan kecederaan plaintif yang menjadi kuasa tindakan seperti di plidkan di dalam pernyataan tuntutan dan adalah tidak relevan.

Oleh itu peguam defendan-defendan berhujah tuntutan plaintif harus di tolak dengan kos.

Penghujahan Peguam Plaintif Di Mahkamah Sesyen

Dengan ringkasnya adalah seperti berikut:

Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah bagi **"assault"** dan **"battery"** yang mengakibatkan kecederaan kepada plaintif khususnya kehilangan penglihatan di mata kiri.

Keterangan lisan plaintif di sokong oleh lapuran polis plaintif yang ditanda sebagai eks. "P1". Kehilangan penglihatan mata kiri plaintif dibuktikan melalui lapuran pakar mata yang ditanda sebagai eks. "P4" dan keterangan SP3 Doktor T. Vasantakumar.

Keterangan plaintif menunjuk bahawa beliau dipukul oleh defendan pada lebih kurang jam 12 tengahari dan defendan kedua yang memukul matanya dan kecedaraan pada mata kiri berlaku dengan kehilangan penglihatan mata tersebut.

Episod sebelum serangan seperti diatas tidak mencederakan mana-mana pihak.

Saksi SP4 menyokong keterangan plaintif dimana defendan-defendan yang menyerang plaintif. Keterangan-keterangan defendan-defendan bercangah dengan pernyataan pembelaan mereka. Juga, ada percangahan keterangan diantara defendan kedua, SD1 dan isterinya SD2.

Keterangan defendan kedua bercangah dengan lapuran polis beliau yang ditanda sebagai eks. "P9".

Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 harus dipakai terhadap defendan-defendan sebab anak-anak defendan kedua tidak di panggil memberi keterangan.

Keterangan defendan kedua, SD1 menunjuk percanggahan keterangan beliau di pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Juga, keterangan defendan kedua ada percanggahan dengan pernyataan pembelaan.

Kedua-dua kes *Tay Lye Seng & Chua Kim Suan* yang dirujuk oleh peguam defendan adalah tidak berkaitan kepada fakta-fakta rayuan ini. Tiada pembelaan tentang kecuaian sertaan atau "contributory negligence" yang diplidkan didalam pernyataan pembelaan.

Jawapan Peguam Defendan-defendan Kepada Penghujahan Peguam Plaintif

Peguam defendan-defendan, menegaskan bahawa kes-kes tentang polisi awam boleh dipakai terhadap tuntutan plaintif sebab tuntutan adalah tentang polisi awam dan beliau merujuk kepada kes *Fazaruddin Ibrahim v. Parkson Corp Sdn Bhd* [1997] 4 MLJ 360 & *Scott v. Brown Doering Mcnab & Co* [1892] 2 QB 724 at 728. Defendan-defendan telah memplidkan bahawa tuntutan plaintif adalah bertentangan dengan polisi awam dan telah menyatakan butiran jenayah yang plaintif telah lakukan didalam perkara ini.

Mahkamah ini mendapati bahawa kedua-dua kes tersebut yang dirujuk oleh peguam defendan-defendan tidak ada kaitan tentang tuntutan plaintif untuk **assault** dan **battery** di bawah tort.

Keputusan Oleh Hakim Mahkamah Sesyen

Dalam alasan-alasan penghakiman, Hakim Mahkamah Sesyen telah mengisahkan atau meringkaskan keterangan bagi plaintif dan defendan-defendan dan memutuskan seperti berikut:

(a) bahawa versi plaintif ialah pada lebih kurang 12 tengahari pada hari kejadian tersebut, pihak responden **telah datang ke gerainya dan memukulnya** dan akibat daripada itu cermin matanya telah pecah dan mendapat kecederaan. Plaintif telah mengambil sebilah pisau dan mengejar defendan kedua dan defendan kedua telah lari. **Plaintif bersetuju bahawa defendan kedua telah menggunakan sebatang penyapu untuk menghalangnya** dan plaintif menyatakan bahawa defendan kedua telah memukul dia.

(b) bahawa saksi plaintif kedua tidak melihat kejadian tersebut memandangkan beliau masuk ke pasar selepas plaintif mengalami kecederaan.

(c) bahawa SP4 nampak plaintif memegang dua tin taufu dan kemudiannya memegang sebatang penyapu dan SP4 tidak melihat apa kedua-dua defendan sedang pegang.

(d) bahawa saksi plaintif ketiga SP3 tidak menyatakan samada kecederaan tersebut diakibatkan oleh sebatang penyapu ataupun tangan.

(e) bahawa mahkamah memutuskan kecederaan tersebut diakibatkan oleh perkelahian diantara plaintif, defendan pertama dan defendan kedua.

(f) bahawa jenis senjata yang digunakan dan menyebabkan kecederaan tersebut tidak dinyatakan di dalam lapuran perubatan plaintif eks. P4 atau pun oleh SP3. SP3 telah menyatakan bahawa kecederaan tersebut diakibatkan oleh satu **benda yang tumpul (blunt)**.

Samada "Blunt Injury" Atau "Blunt Object"

Mahkamah ini mendapati bahawa SP3 hanya menyatakan bahawa terdapat bentuk kecederaan yang tumpul (**"blunt injury"**) yang menyebabkan kecederaan kepada lapisan kedua mata plaintif dan kebiasannya disebabkan oleh **"blunt injury"**. SP3 tidak menyatakan sebagaimana yang dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah disebabkan oleh objek tumpul. Hakim Mahkamah Sesyen juga memutuskan bahawa defendan pertama dan kedua telah mencederakan plaintif walaupun tidak ada keterangan yang kukuh di kejadian mana satu yang kecederaan dialami dan apakah senjatanya samada parang atau penyapu atau tangan atau kaki. Hakim Mahkamah Sesyen juga, tidak memutuskan samada kecederaan ini disebabkan **dengan niat** atau dalam keadaan **kecuaian** (intentionally or negligently) atau dalam keadaan kelam kabut.

Lebih Daripada Satu Kejadian

Keseluruhan keterangan di dalam kes ini menunjuk terdapat lebih daripada satu kejadian dan oleh itu, mahkamah ini mendapati keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak adalah tidak memuaskan kerana tidak di periksa melalui pemeriksaan balas yang sesuai oleh kedua-dua pihak untuk memberi gambaran yang sebenarnya berkaitan dengan kecederaan plaintif.

Hujah-hujah Secara Bertulis Bagi Peguam Defendan-defendan Di Mahkamah Tinggi

Dengan ringkasnya, peguam defendan-defendan masih berikat dengan penghujahan di Mahkamah Sesyen.

Didalam kes **assault** dan **battery**, Mahkamah Sesyen tidak boleh membuat pembahagian liabiliti seperti didalam kes kecuaian.

Dalam kes **assault** dan **battery** seperti tuntutan plaintif, sekiranya plaintiff berjaya ia mesti berjaya 100% dan sekiranya beliau kandas beliau hendaklah kandas 100%. Walau bagaimanapun, plaintif harus kandas 100% dan sebab itu, peguam defendan-defendsan dengan sewajarnya tidak berhujah pembahagian liabiliti didalam pliding mahupun di dalam penghujahan.

Hakim Mahkamah Sesyen tersilap di fakta, apabila puan hakim memutuskan kecederaan plaintif diakibatkan oleh perkelahian diantara plaintif SP1 dan defendan pertama SD3 dan defendan kedua SD1. Sebaliknya, puan hakim juga

berkata, mahkamah percaya bahawa keterangan SD2 saksi defendan kedua. Mahkamah Sesyen juga memutuskan bahawa plaintif SP1 telah menimbulkan kemarahan SD1 dan SD2, semasa plaintif SP1 mengejar defendan kedua SD1 dengan sebilah pisau, SD1 hendak melindungi diri dengan menolak pisau dengan penyapu.

Peguam defendan-defendan juga mengemukakan **persoalan undang-undang** iaitu samada puan hakim telah membuat penemuan fakta-fakta didalam kes berdasarkan kepada keterangan-keterangan di kemukakan di hadapan beliau. Mahkamah Rayuan tidak harus mengganggu penemuan fakta-fakta yang telah dibuat oleh mahkamah di bawah **kecuali** penemuan tersebut tidak disokong oleh keterangan. Mahkamah Sesyen telah mendengar dan melihat saksi-saksi semasa memberi keterangan didalam perbicaraan yang mempunyai satu "visual advantage" seperti diterangkan dan dirujuk kes *Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v. Ng Chek Hung & Another Appeal* [1997] 3 CLJ 189.

Walau bagaimanapun, perayu semata-mata meminta Mahkamah Rayuan ini menggantikan penemuan fakta-fakta tentang liabiliti yang dibuat oleh puan hakim Mahkamah Sesyen dengan penemuan dan fakta-fakta yang lain.

Didalam kes ini, ada lebih daripada satu kejadian, iaitu satu kejadian di **pasar Temerloh seperti di perenggan 4 pernyataan tuntutan plaintif** dan kejadian ke dua berlaku di **luar pasar**. Sekiranya, plaintif mengakui kecederaan di luar pasar ia tidak terjatuh didalam kuasa tindakan plaintif seperti di plid didalam pernyataan tuntutan dan haruslah diabaikan oleh mahkamah.

Tidak ada sebarang keterangan bahawa anak-anak defendan kedua dan SD2 mempuyai sebarang maklumat tentang kejadian dimana mereka boleh memberi keterangan didalam perbicaraan. Oleh itu, s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai terhadap defendan-defendan sebab sepatutnya adalah tugas plaintif untuk panggil saksi-saksi yang relevan untuk membuktikan kes beliau dan sekiranya ada sebarang andaian itu adalah terhadap plaintif di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dan bukan terhadap defendan-defendan.

Oleh itu peguam defendan-defendan berhujah tuntutan plaintif harus di tolak.

Hujah-hujah Secara Tulis Bagi Peguam Plaintif Di Mahkamah Tinggi

Dengan ringkasnya, peguam plaintif berhujah seperti berikut:

Tuntutan plaintif adalah untuk gantirugi serangan iaitu **assault** dan **battery** dimana plaintif telah kehilangan penglihatan mata kiri dan ini bukan tentang kecuaian supaya mahkamah boleh membahagikan liabiliti. Persoalan yang timbul, samada defendan bertanggungjawab kepada **assault** dan **battery** atau tidak.

Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan di aspek sertaan kecuaian itu "unilaterally" tanpa merujuk kepada pliding, keterangan di perbicaraan dan penghujahan-penghujahan kedua-dua pihak tentang prinsip undang-undang dan ini adalah bertentangan dengan prinsip sibil litigation dan satu kes harus diputuskan berdasar kepada pleading, peguam plaintif merujuk kepada kes *Gimstern Corporation (M) Sdn Bhd & Anor v. Global Insurance Co Sdn Bhd* [1987] 1 MLJ 302 dan kes *Murphy v. Culhane* [1976] 3 All ER 533.

Keterangan plaintif adalah konsisten dan tidak ada percanggahan dan disokong oleh dokumen-dokumen dan saksi-saksi manakala keterangan bagi kes defendan-defendan adalah tidak konsisten dan bercanggah.

Keputusan Mahkamah Tinggi

Mahkamah ini berpendapat bahawa ada banyak kekeliruan dan salah faham (misconception) yang telah timbul didalam penghujahan-penghujahan kedua-dua pihak dan juga didalam alasan-alasan penghakiman. Hakim Mahkamah Sesyen.

Hakim, Mahkamah Sesyen tidak membuat penilaian atau evaluation yang mencukupi berdasarkan keseluruhan keterangan bagi keterangan plaintif apabila di banding dengan keterangan defendan-defendan.

Hakim, Mahkamah Sesyen tidak memberi penjelasan di kejadian mana plaintif mengalami kecederaan dan apakah yang menyebabkan kecederaan kepada plaintif. Di satu peringkat, Hakim Mahkamah Sesyen berkata defendan pertama dan kedua telah mencederakan plaintif dan satu peringkat yang lain Hakim Mahkamah Sesyen berkata dia percaya keterangan saksi defendan kedua iaitu SD2.

Onus Kepada Plaintif

Oleh sebab hakim berkata beliau percaya versi SD2 seperti benar, beliau harus memutuskan samada plaintif gagal membuktikan onus yang ditanggungjawab plaintif terhadap defendan-defendan seperti di plid didalam pernyataan tuntutan. Prinsip dimana Mahkamah Rayuan akan bertindak disuatu keputusan pendapat fakta (finding of fact) telah diterletak berulang kali. Oleh itu, saya ingin berkata cuma ringkas bahawa, mahkamah ini hanya akan masuk campur dengan keputusan hakim perbicaraan sekiranya tersilap di penilaian (evaluation) keterangan. Mahkamah ini mendapati rayuan ini adalah satu kes seperti keadaan itu untuk Mahkamah Rayuan ini masuk campur. Didalam kes *In re AB Ltd* [1956] 22 MLJ 197 Hakim Besar Whyatt CJ berkata bahawa:

> An appellate Court may allow an appeal from a determination on a question of fact, if it appears to the appellate court that a misconception of law has been responsible for the determination.

Bukti Tentang Apa Yang Sebenarnya Menyebabkan Kecederaan Kepada Plaintif

Mahkamah ini juga mendapati bahawa plaintif tidak membuktikan **apa benda** yang menyebabkan kecederaan di mata kiri beliau. Pada satu peringkat, plaintif berkata defendan menumbok dan satu peringkat yang lain plaintif berkata, defendan menyerang dan seterusnya plaintif juga berkata penyapu yang dipegang oleh defendan kedua telah kena pada kepalanya apabila defendan kedua menahan pisau yang plaintif pegang.

Doktor SP3 langsung tidak membantu kes plaintif sebab beliau tidak dapat memberitahu **apa benda** yang menyebabkan kecederaan seperti yang dialami oleh plaintif dimata kiri plaintif. SP3 pakar perubatan hanya berkata seperti berikut:

> From the history alleged - assult, some from of **blunt injury** caused injury to the 2nd. layer of the eye, *ie*, choroid and subsequently the nerve. Usually it is caused by a **blunt injury**.

Tidak ada sebarang soalan dikemukakan kepada doktor, apakah benda yang telah menyebabkan kecederaan seperti itu.

Keterangan Perubatan

Sebaliknya, walaupun doktor hanya berkata "some form of **blunt injury** caused injury to the 2nd layer of the eye, subsequently the nerve and usually it is caused by a **blunt injury**", ini tidak menjawab kepada persoalan apakah benda yang menyebabkan kecederaan tersebut dan keterangan itu adalah penting dan lagipun keterangan tentang **blunt injury** hanya di bangkit di peringkat pemeriksaan balas, walaupun ini adalah tugas plaintif untuk membuktikan kes beliau. Didalam kes ini, ada lebih daripada satu kejadian berlaku mengikut keterangan plaintif sendiri. Oleh itu, adalah penting untuk membuktikan apakah benda yang menyebabkan kecederaan tersebut. Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen menjadi lebih tidak puas apabila Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa walaupun jenis senjata yang digunakan dan menyebabkan kecederaan tersebut tidak dinyatakan didalam lapuran perubatan eksibit P4 atau oleh SP3 doktor tersebut, beliau telah memutuskan bahawa SP3 menyatakan bahawa kecederaan tersebut akibat satu **benda** yang tumpul (blunt). Ini adalah satu pendapat kesilapan sebab tidak ada sebarang keterangan daripada SP3 bahawa kecederaan tersebut akibat oleh **satu benda** yang tumpul. Dalam pemeriksaan semula, plaintif juga tidak meminta SP3 menjelaskan apakah makna **"blunt injury"** yang dikatakan oleh SP3 dan apa yang menyebabkan kecederaan tersebut.

Keterangan Yang Bercanggah

Keterangan plaintif di pemeriksaan utama apabila dibanding dengan keterangan di pemeriksaan balas dengan jelas menunjuk bahawa kedua-dua keterangan ada perbezaan yang jauh dan kejadian-kejadian yang berlainan. Juga, keterangan defendan kedua walaupun adalah tidak mengikuti dengan kandungan lapuran polis beliau eks. D9 tetapi keterangan plaintif didalam pemeriksaan soal balas telah menyokong keterangan defendan kedua pada satu peringkat "to some extent".

Isu Kecuaian Sertaan ("Contributory Negligence")

Kedua-dua pihak dengan segala hormatnya telah membuat anggapan yang silap bahawa pembelaan kecuaian sertaan tidak boleh dipakai dalam kes tuntutan **"assault"** dan **"battery"**, walaupun itu adalah satu pembelaan yang boleh dipakai bagi tuntutan seperti berikut. Seksyen 12(1) yang dibaca bersama dengan sub-s. (6) "Civil Law Act 1956" dengan jelas berkata seperti berikut:

> Apportionment of liability in case of contributory negligence.
>
> 12.(1) Where any person suffers damage as the result partly of his own **fault** and partly of the **fault** of any other person or persons, a claim in respect of that damage shall not be defeated by reason of the **fault** of the person suffering the damage, but the **damages recoverable in respect thereof shall be reduced to such extent as the Court thinks just and equitable having regard to the claimant's share in the responsibility for the damage**:

Sub-Seksyen (6) berkata seperti berikut:

> (6) In this section **"fault"** means negligance, breach of statutory duty or **other act or omission which gives rise to a liability in tort** or would, apart from this Act, **give rise to the defence of contributory negligence**.

Samada Kecuaian Sertaan Boleh Dipakai Untuk Tuntutan Sivil Bagi "Assault" Dan "Battery" Untuk Dibahagikan

Oleh itu, Mahkamah ini mendapati bahawa peruntukkan di bawah s. 12(1) dan dibaca bersama-sama dengan sub-s. (6) bagi "Civil Law Act 1956" dengan jelas menunjuk bahawa Mahkamah boleh membahagikan tanggungan di dalam **tuntutan "assault"** dan **"battery"** di tuntutan tort.

Walau bagaimanapun Hakim Mahkamah Sesyan pun tidak menyatakan dalam alasan penghakiman samada beliau membahagikan liabiliti seperti 50:50 diantara plaintif dan defendan-defendan seperti diperuntukkan dibawah s. 12(1) of the "Civil Law Act 1956" atau sebaliknya sebab alasan puan hakim mengurangkan liabiliti kepada 50% adalah kerana plaintif telah menimbulkan kemarahan defendan kedua SD1 dan saksi SD2.

Dengan segala hormatnya, mahkamah ini mendapati bahawa liabiliti tidak boleh di bahagikan diatas alasan plaintif telah menimbulkan kemarahan kepada defendan kedua **melainkan** tindakan yang telah dilakukan oleh defendan-defendan boleh diterima sebagai pembelaan disisi undang-undang dan untuk tuntutan bagi **assault** dan **battery** seperti dijelaskan di bawah s. 12(6) "Civil Law Act 1956". Juga defendan-defendan tidak memplid di pernyataan pembelaan perkara kecuaian sertaaan sebagai satu pembelaan.

In *Nance v. British Columbia Electric Ry* [1951] AC 601, Lord Simon at 611 berkata:

> All that is necessary to establish such a defence is to prove to the satisfaction of the jury that the injured party did not in his own interest take reasonable care of himself and contributed by his want of care, to his own injury. For when contributory negligence is set as a shield against the obligation to satisfy the whole of the plaintif's claim, the principle involved is that, where a man is part author of his own injury, he cannot call on the other party to compensate him in full.

Mahkamah ini berpendapat bahawa samada pembelaan dapat berjaya adalah persoalan faktor dan mengikut keadaan di sesuatu kes samada tindakan (conduct) plaintif boleh dikatakan kecuaian sertaan. Mahkamah ini berpendapat walaupun plaintif harus mengambil tindakan untuk keselamatan dirinya seperti seorang, (prudent man) akan ambil didalam keadaan, ini bukan bermakna bahawa pada tiap-tiap kesilapan keputusan atau tidak mengambil peduli atau tidak sengaja akan terjadi kecuaian sertaan terhadap seorang plaintif.

Versi Yang Mana Sebenarnya

Seterusnya, apabila mahkamah ini membaca alasan-alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen dengan keseluruhannya, mahkamah ini dengan segala hormatnya tidak dapat mencari sebarang pendapat samada beliau menerima dan percaya versi plaintif atau sebaliknya. Apa yang Hakim Mahkamah Sesyen menyatakan dengan tepat adalah beliau percaya keterangan saksi defendan-defendan iaitu SD2. Sekiranya begitu, bukankah ini akan menunjuk bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tidak percaya keterangan atau versi plaintif dan dengan itu tuntutan plaintif harus di tolak. Walau bagaimanapun, Hakim Mahkamah Sesyen tidak membuat keputusan begitu tetapi dengan tiba-tiba membahagikan tanggungan dengan 50:50 tanpa sebarang alasan kukuh melainkan beliau berkata liabiliti oleh defendan dikurangkan kepada 50% oleh kerana plaintif telah menimbulkan kemarahan SD1 dan SD2. Pembahagian liabiliti untuk gantirugi bukanlah secara automatik dan harus diberi alasannya untuk pembahagian, samaada diatas kecuaian sertaan atau alasan-alasan yang lain yang boleh diterima didalam undang-undang. Juga, Hakim Mahkamah Sesyen tidak memberi alasan apakah keterangan SD2 yang beliau percaya.

Dengan itu mahkamah ini mendapati bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tersilap dipenilaian keterangan (evaluation) disisi undang-undang dan mahkamah ini harus masuk campur dalam keputusan Hakim Mahkamah Sesyen sebab alasan-alasan atau **"reasoning"** beliau adalah tidak memuaskan (unsatisfactory) dan dibuat tanpa penelitian dan pertimbangan yang sewajarnya diatas keseluruhan keterangan dihadapan beliau.

Apakah Mahkamah Perbicaraan Harus Memutuskan Apabila Keterangan-keterangan Oleh Kedua-dua Pihak Bercanggah ("Conflicting Versions")

Dalam kes ini dimana terdapat dua versi yang berlainan dan bercanggah (conflicting) tentang apa yang sebenarnya berlaku dan pada waktu yang tepat, Hakim Mahkamah Sesyen harus membuat keputusan versi dimana yang sebenarnya yang mahkamah terima. Kes *Chong Keow @ Chong Seaw Oon (Suing As the Administrator of The Estate of Wong Kooi Tai @ Wong Foo Keak - deceased) v. Shaari Yaacob* [1988] 1 CLJ 325 at 327 ada kaitan. Sekiranya Hakim Mahkamah Seysen mendapati versi plaintif tidak boleh dipercayai diantara kedua-dua versi tersebut, tuntutan plaintif harus ditolak. Sebaliknya, sekiranya Hakim Mahkamah Sesyen mendapati versi plaintif boleh dipercayai dan diterima, beliau harus akan meneruskan untuk mempertimbangkan samada defendan menunjuk sebarang pembelaan yang boleh diterima disisi undang-undang sebagai pembelaan untuk perbicaraan sibil (civil trial) dan untuk tuntutan tort dan sekiranya ada pembelaan, seterusnya Hakim Mahkamah Sesyen harus mempertimbangkan samada pembelaan itu boleh dipakai dan diterima tentang kecederaan plaintif dan seterusnya pada peringkat itu boleh mempertimbangkan tentang pembahagian liabiliti pada masa mempertimbangkan gantirugi plaintif.

Keterangan-keterangan Adalah "Scanty" Dan Tidak "Conclusive"

Didalam kes ini keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak adalah "scanty" dan tidak "conclusive" dan boleh membawa spekulasi tentang apa yang sebenarnya berlaku pada plaintif, siapa yang melakukan kecederaan kepada mata kiri plaintif, apakah benda yang menyebabkan kecederaan tersebut, waktu bila dan keadaan apa kejadian berkaitan berlaku dan di tempat yang mana dan sebenarnya. Di kes *Caswell v. Powell Daffryn Associated Collieries Ltd.* [1940] AC at 168 Lord Wright berkata:

> Inference must be carefully distinguished from conjecture or speculation. There can be no inference unless there are objective facts from which to infer the other facts which it is sought to establish. In some cases the other facts can be inferred with as much practical certainty as if they had been actually observed. In other

cases the inference does not go beyond reasonable probability. But if there are no positive proved facts from which the inference can be made, the method of inference fails and what is left is mere speculation or conjecture.

Didalam kes ini keterangan menunjuk bahawa ada lebih daripada satu kejadian yang berlaku pada tarikh 31 Oktober 1995 di dalam pasar dan sekitar pasar Temerloh. Plaintif tidak dapat membuktikan dengan tepat didalam keadaan apakah dan bila yang beliau mengalami kecederaan itu. Walau bagaimanapun, pendapat "conclusive" ini adalah satu pendapat yang hanya boleh dibuat sekiranya ada peluang melihat dan menyaksikan saksi-saksi memberi keterangan dimana Mahkamah Rayuan ini tidak ada peluang seperi Mahkamah Sesyen yang mendengar perbicaraan ini. Oleh itu, mahkamah ini tidak mahu gantikan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen melainkan perintahkan ulang bicara.

Samada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 Boleh Dipakai

Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 yang dibangkit oleh peguam plaintif terhadap defendan-defendan tidak boleh dipakai kerana plaintif tidak cabar atau cadangkan semasa pemeriksaan balas defendan-defendan bahawa sekiranya anak-anak defendan kedua di panggil sebagai saksi-saksi bagi defendan-defendan, keterangan mereka akan jejaskan atau rosakkan kes dan keterangan defendan-defendan (kes *Murugan v. Lew Chu Cheong* [1980] 2 MLJ 139 FC) ada kaitan.

Didalam kes ini mahkamah ini mendapati Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambil minimal dan telah tidak memastikan (uncertain) bimbang (guidance) untuk mencapai satu kesimpulan tanpa mengambil kira bahawa tidak ada pemeriksaan dan pemeriksaan balas yang dijalankan dengan tepat dan keterangan-keterangan yang dikemukakan dan penghujahan oleh kedua-dua pihak adalah telah lari daripada pliding masing-masing.

Pindaan Pliding

Di dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen, tidak ada sebarang permohonan di buat oleh kedua-dua pihak untuk pindaan ke pliding masing-masing. Di *Fookes v. Slayton* [1979] 1 All ER 137, Mahkamah Rayuan berkata bahawa pembelaan kecuaian sertaan hanya boleh di pakai sekiranya ia telah di plead dan sekiranya pembelaan itu tidak di plead oleh defendan, hakim tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat atau dapati kecuaian sertaan terhadap defendan. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa prinsip ini tentang pliding boleh dipakai terhadap pliding plaintif.

Pliding

Juga, pembelaan defendan-defendan tentang kecuaian sertaan tidak di plid atau di kemukakan atau di cadangkan kepada plaintif di peringkat pemeriksaan balas dan oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen tidak boleh bahagikan tanggungan. Sekiranya defendan-defendan ada plead alternatively, tentang kecuaian sertaan dan cadangkan kepada plaintif semasa pemeriksaan balas, bahawa sekiranya di atas keterangan beliau sendiri, beliau telah sumbang atau telah melakukan kecuaian sertaan kepada kecederaan beliau, ada kemungkinan defendan-defendan dapat berjaya di atas pembelaan itu tetapi defendan-defendan tidak membuat seperti yang di kehendaki dan tidak plid secara alternative kecuaian sertaan. Juga, keterangan plaintif berbeza daripada pliding di pernyataan tuntutan plaintif. Kes *Rosita Baharom (an infant suing by her father and next friend Baharom bin Ismail) & Anor v. Sabedin Salleh* [1992] 1 CLJ 180 ada kaitan.

Dalam *Miskinah Jaya & Ors v. Mohamed Salleh & Anor* [1984] 1 MLJ 187, Yang Arif Shanker H (pada masa itu) kemudian HMR berkata:

> It is trite law that parties are bound by their pleadings and the doctrine of supremacy of pleadings still has us in thrall.

Dalam *Lee Ah Chor v. Southern Bank Bhd* [1991] 1 MLJ 428, Supreme Court mengatakan:

> It does not seem necessary for us to emphasise and repeat the importance of pleadings in a civil suit castigating observations on which had been made from time to time in many cases in our courts. It is only a question of whether counsel, either because of negligence, inadvertence or call it what you will, choose to pay them scant or no head at all and we must say that they do so at their peril. Recently, lapses in the strict compliance with the rules of pleadings occurred in our courts with marked frequency and we do not see how such lapses in the courts should be tolerated at the expense of the clients.

Dalam *Janagi v. Ong Boon Kiat* [1971] 2 MLJ 196 Sharma H berkata:

> A judgment should be based upon the issues which arise in the suit and if such a judgment does not dispose of the questions as presented by the parties it renders itself liable not only to grave criticism but also to a miscarriage of justice. It becomes worse and is unsustainable if it goes outside the issues. Such a judgment cannot be said to be in accordance with the law and the rules of procedure. It is the duty of the courts to follow the rules of procedure and practice to ensure that justice is done. These rules are meant to be observed and respected. The faith and the confidence of the public in the law, the Constitutuion and the Government depands to a fairly large extent on the way the machinery of justice functions and it is the duty of those who man that

machinery to realise that what they do does not in any way tend to diminish that faith. Everyone is, no doubt, liable to make mistakes but it would have been better if the learned magistrate had acted in less haste and had taken a little time to look up the law on the matter.

Makna "Rehearing" Diperingkat Rayuan

Walau pun rayuan ini adalah "rehearing", ini bukan bermakna ulang bicara (retrial) bagi issues. (kes dan keputusan disenting Raja Azlan Shah FJ (sekarang HRH Sultan Perak) di *Samar binte Mansor v. Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 2 MLJ 71 at 72 ada kaitan.

Ulang Bicara ("Retrial")

Oleh sebab mahkamah ini ingin perintahkan membicarakan semula atau ulang bicara (retrial), mahkamah ini tidak mahu masuk campur tentang merit pembelaan yang di tikaikan oleh peguam plaintif dan di hujah oleh peguam defendan-defendan melainkan mahkamah ini pendapat pembelaan seperti di bawah s. 96 Kanun Keseksaan adalah untuk tuduhan jenayah di mana ianya adalah suatu pembelaan penuh (complete defence) seperti tuduhan di bawah s. 304 (1st limb) Kanun Keseksaan tetapi pembelaan seperti sertaan kecuaian bukan memberi pembelaan penuhnya dan hanya untuk membahagikan gantirugi sahaja atau untuk mengurangkan gantirugi sekiranya mahkamah mendapati liabiliti harus dibahagikan.

Perintah Mahkamah Rayuan Tentang Liabiliti

Rayuan plaintif dibenarkan dan rayuan balas defendan juga dibenarkan dan mahkamah ini perintahkan perbicaraan semula (retrial) kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang lain.

Gantirugi ("General Damages")

Hakim Mahkamah Sesyen telah awardkan sebanyak RM30,000 untuk kecederaan plaintif iaitu tidak kelihatan mata kiri.

Peguam defendan-defendan berhujah award itu adalah munasabah dan berpatutan apabila mengikut award dikes-kes yang lain untuk kecederaan yang sama, manakala peguam plaintif berhujah award itu adalah tidak berpatutan.

Walau bagaimanapun, peguam plaintif cadang sebanyak RM70,000 untuk tidak kelihatan mata kiri plaintif berdasarkan kepada satu keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen Taiping dan kemukakan kertas suratkhabar. Dengan segala hormatnya, mahkamah ini tidak dapat menerima award tersebut sebab

mahkamah ini mendapati award itu adalah terlampau tinggi, tidak mengikut "trend of awards" dan tidak konsisten bagi kes-kes terdahulu untuk kecederaan yang sama dan juga award Mahkamah Sesyen tidak boleh berikat kepada Mahkamah Tinggi. Mahkamah ini sedar bahawa sebarang jumlah atau award tidak dapat memberi mata yang sama kepada plaintif tetapi seharusnya amaun yang diawardkan oleh mahkamah harus mengikut "trend of awards" dan jadi konsisten dan mahkamah tidak boleh dengan tiba-tiba menaikkan award itu.

"Trend Of Awards"

Mahkamah ini memang bersimpati dengan kecederaan yang dialami oleh plaintif tetapi mahkamah ini tidak boleh menunjuk sebarang perasaan simpati untuk memberi berat (weight) kepada mana-mana pihak didalam kes ini. Didalam kes *Ngooi Ku Siong & Anor v. Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30 pada ms. 32 Mahkamah Agong mengatakan:

> In considering the award under this head the learned judge did not place any reliance on the authorities cited for comparison on the ground that the injuries were quite unlike the injuries suffered by the respondent. She applied her experience in adjudicating cases of this nature and awarded a global sum of $40,000 as damages. With respect we do not consider it proper for the learned judge to discard the authorities and use her own experience in assessing the damages. Experience alone however long without resorting to comparable cases which are the best guides, may result in speculation.

Di dalam kes *Tay Tong Chew & Anor v. Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50 pada ms. 54 Mahkamah Agong mengatakan:

> Although it is almost impossible to standardize damages for pain and suffering and loss of amenities in running down cases, it is in the interest of all concerned that the trend of awards should be maintained so that Insurance Companies and practitioners have some idea as to how these cases will ultimately be dealt with here. This will facilitate out of court settlement or at least agreement on quantum and will no doubt benefit road accident victims. The learned Commissioner did not seem to consider adequately the authorities cited before him. Nor did he give any indication as to how he had arrived at his estimate. Had he done so we might probably have found it difficult to disturb his assessment.

Di dalam kes *Mariam binti Mansor v. JD Peter* [1975] 1 MLJ 279 pada ms. 282 Abdul Hamid H (pada masa itu) berkata:

> In considering what compensation the court shall award, it is impossible to arrive at an accurate figure, however, all the court can do is to award her a sum which would compensate her for pain and suffering she has undergone and will, in all probability, continue to undergo. I feel that the sum awarded should be a fair sum to compensate the plaintiff for the injuries suffered, but it should not be too excessive to constitute an injustice to the defendant.

Samada Mahkamah Rayuan Boleh Masuk Campur Tentang Award Yang Dibuat Oleh Mahkamah Rendah

Juga, kebiasaannya Mahkamah Rayuan tidak akan masuk campur tentang award yang dibuat oleh mahkamah perbicaraan (trial court) **melainkan** mahkamah perbicaraan telah tersilap di prinsip undang-undang atau salah fahami (misapprehended) fakta atau membuat kesilapan tentang taksiran gantirugi atau tidak mengikut trend of awards. Di kes *Davies v. Powell Duffryn Associated Colleries Ltd* [1942] AC 601 (616)(617) Lord Wright telah mengatakan di keadaan apakah Mahkamah Rayuan akan masuk campur tentang award gantirugi yang dibuat oleh mahkamah perbicaraan seperti berikut:

> Where the award is that of the judge alone, the appeal is by way of rehearing on damages as on all other issues, but as there is generally so much room for individual choice so that the assessment of damages is more like an exercise of discretion than an ordinary act of decision, the appellate court is particularly slow to reverse the trial judge on a question of the amount of damages. It is difficult to lay down any pracise rule which will cover all cases, but a good general guide is given by Greer L.J. in *Flint v. Lovell*. In effect the court, before it interferes with an award of damages, should be satisfied that the judge has acted on a wrong principle of law or has misapprehended the facts or has for these other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered. It is not enough that there is a balance of opinion or preference. The scale must go down heavily against the figure attacked if the appellate court is to interfere, whether on the ground of excess or insufficiency.

Di kes *Rasidin bin Partojo v. Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214 pada ms. 215, Mahkamah Persekutuan mengatakan:

> A Court of Appeal always starts with the working presumption that any decision appealed against is right in every respect. So to succeed in an appeal the appellant must convince us that the decision appealed from is wrong. If we are not so convinced, the appeal fails.

Award Untuk Kehilangan Penglihatan Mata

Di dalam kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa Hakim, Mahkamah Sesyen tidak mengikuti trend of awards pada masa sekarang yang adalah sebanyak RM50,000 untuk kecederaan yang sama bagi kehilangan penglihatan mata.

Kes *Othman bin Kastari v. Teo Eng Soon t/a Chop Guan Choon Contractor* [1988] 2 MLJ xxv dan kes *Lee Tet Fatt v. Choo Yoon Sin* [1980] p. 37 Dass on *Quantum* dan *Kam Kok Beng v. Chan Siew Kuan* [1979] 1 MLJ xxxviii adalah tentang award yang diberi pada tahun yang lebih kurang

diantara 10 hingga 20 tahun dahulu dan tidak boleh diikuti pada masa sekarang. Selepas mengambil kira bahawa award RM30,000 yang diawardkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah award yang berdasarkan dengan award pada lebih kurang 10 tahun dahulu dan tidak mengikuti trends of awards pada masa sekarang. Mahkamah ini mendapati bahawa Mahkamah Rayuan ini boleh masuk campur tentang award RM30,000 yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Mahkamah ini mendapati jumlah sebanyak RM50,000 adalah berpatutan, munasabah dan konsisten dengan trend of awards pada masa sekarang. Di kes *Low You Choy & Yg Ln v. Chan Mun Kit & Yg Ln* [1992] 3 CLJ 1550, Mahkamah Tinggi telah memberi award sebanyak RM50,000 untuk kehilangan penglihatan satu mata. Juga, kes *Dr Chin Yoon Hiap v. Ng Eu Khoon & Ors and Other Appeals* [1998] 1 MLJ 57, Mahkamah Rayuan telah sahkan award sebanyak RM100,000 yang diawardkan oleh Mahkamah Tinggi untuk kedua-dua mata dimana telah kehilangan penglihatan bagi seorang kanak-kanak.

Samada Award Yang Dibuat Oleh Mahkamah-mahkamah Diluar Bidang Kuasa Malaysia Boleh Di Timbang Apabila Berada Keputusan Award Oleh Mahkamah-mahkamah Di Malaysia Untuk Kecederaan Yang Sama

Mahkamah ini mendapati bahawa award-award yang dibuat oleh mahkamah-mahkamah di luar bidang kuasa Malaysia tidak harus ditimbang sekiranya terdapat award-award di dalam kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah-makamah di Malaysia seperti kedua-dua kes tersebut diatas untuk kecederaan yang sama bagi membenarkan satu award yang munasabah dan konsisten bagi kecederaan yang sama.

Di kes *British Transport Commission v. Gourley* [1955] 3 All ER 796 pada ms. 799, Earl Jowitt berkata:

> The broad general principle which should govern the assessment of damages in cases such as this is that the tribunal should award the injured party such a sum of money as will put him in the same position as he would have been in if he had not sustained the injuries. (see per Lord Blackburn in *Livingstone v. Rawyards Coal Co (1)* 1880, 5 App. Cas. at p. 39). This principle is sometimes referred to as the principle of *restitutio in integrum*; but it is manifest that no award of money can possibly compensate a man for such grievous injury as the principle, therefore, affords little guidance in the assessment of damages for the pain and suffering undergone and for the impairment which results from the injuries; and, in fixing such damages, the judge can do no more than endeavour to arrive at a fair estimate, taking into account all the relevant considerations.

Perintah Muktamad Mahkamah Rayuan

Di dalam kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa kepentingan keadilan memerlukan bahawa kes ini diperintahkan ulang bicara (retrial) di hadapan hakim, Mahkamah Sesyen yang lain tentang liabiliti sahaja. Mengikut perintah itu, rayuan plaintif tentang liabiliti dan gantirugi dan rayuan balas defendan-defendan tentang liabiliti dibenarkan. Seterusnya award sebanyak RM30,000 sebagai gantirugi am yang diberi oleh Hakim Mahkamah Sesyen ditepikan dan digantikan dengan award sebanyak RM50,000 sebagai gantirugi am. Kos untuk bicara pertama dan kos rayuan ini akan ikuti dengan keputusan kedua di Mahkamah Sesyen.